

## PM minta pemimpin bersatu

KOTA KINABALU, Jumaat - Perdana Menteri meminta semua pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah supaya menyokong sesiapa saja yang akan dilantik sebagai Ketua Menteri yang baru.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mereka tidak perlu berebut-rebut untuk jawatan berkenaan kerana ia hanya akan merugikan negeri itu.

Berucap di jamuan makan malam anjuran kerajaan negeri di sini malam ini, Dr Mahathir berkata

pengumuman mengenai pengganti Tan Sri Sakaran Dandai akan dibuat tidak lama lagi.

"Sesiapa saja yang akan dilantik sebagai Ketua Menteri, saya berharap akan dapat sokongan penuh daripada semua anggota kerajaan kerana kalau kita berebut-rebut dan tidak bekerjasama, maka hasilnya ialah kerugian besar bagi negeri ini.

"Kalaupun kita dapat jadi Ketua Menteri (dengan berebut-rebut), kita akan hadapi masalah yang sama.

"Saya percaya semua ahli politik BN di negeri ini akan memberi sokongan penuh kepada sesiapa saja yang akan dilantik untuk menjadi Ketua Menteri yang baru.

"Inilah harapan negara, harapan saya dan parti," katanya.

Jamuan yang dihadiri semua pemimpin BN Sabah dan pegawai kerajaan itu diadakan untuk meraikan Dr Mahathir dan rombongan rakan sekuliah beliau di Fakulti Perubatan Universiti Malaya 1947 yang bercuti tiga hari di sini.